



MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR

Situasi Swine Flu di Mexico, Kanada dan Amerika Syarikat dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

Sehingga 26 April 2009, mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO) bertarikh 26 April 2009 berkaitan kejadian *'influenza-like illness'*, terdapat 20 kes yang disahkan di Amerika Syarikat iaitu 8 di New York, 7 California, 2 Texas, 2 Kansas dan 1 di Ohio. Tiada kematian dilaporkan di Amerika Syarikat. Sementara itu di Mexico jumlah kes yang dilaporkan adalah 1,149 dengan 71 kematian dan 18 kes adalah disahkan disebabkan oleh swine influenza A/H1N1. Negara Kanada melaporkan 4 kes yang disahkan swine influenza A/H1N1 dan tiada kematian. Menurut laporan daripada WHO, kecuali di Mexico, kebanyakan kes yang dilaporkan mengidap tanda-tanda ringan jangkitan *'influenza-like illness'*. Tiada kes dilaporkan di lain-lain negara.

Di Malaysia buat masa ini tiada kes yang berkaitan dengan *'influenza-like illness'* dilaporkan. Seperti yang dimaklumkan pada 26 April 2009, Kementerian Kesihatan telah pun mengambil tindakan-tindakan persediaan yang seperti berikut;

- a) Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia mengaktifkan Bilik Gerakan untuk membuat pemantauan situasi wabak *swine-flu* dengan pihak WHO bagi memastikan tindakan-tindakan proaktif diambil untuk melindungi kesihatan awam penduduk Malaysia.
- b) Semua Pengamal Perubatan termasuk di sektor swasta yang merawat kes-kes yang mempunyai tanda-tanda atau gejala *'influenza-like illness'* atau *'severe pneumonia'* dan mempunyai sejarah melawat Mexico, California, Kansas, Ohio, Texas, New York atau Kanada selepas 17 April 2009 diminta untuk memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang

terdekat dengan serta merta melalui telefon untuk tindakan pencegahan dan kawalan.

- c) Saringan tanda-tanda jangkitan *swine-flu* di semua pintu masuk negara untuk pelawat atau warga Malaysia yang ada melawat ke negara Mexico, California, Kansas, Ohio, Texas, New York atau Kanada selepas 17 April 2009.
- d) Membuat kenyataan akhbar dari masa ke semasa situasi wabak *swine-flu* untuk maklumat orang awam di Malaysia dan langkah kawalan dan pencegahan yang diambil oleh Kerajaan.

Orang awam yang ingin mendapat maklumat lanjut berkaitan dengan wabak *swine-flu* ini boleh mendapatkan maklumat tersebut melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 pada waktu pejabat. Maklumat di laman web Kementerian (www.moh.gov.my) akan disediakan mulai hari ini.

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa orang awam tidak perlu risau dengan situasi yang berlaku di negara Mexico, Kanada dan Amerika Syarikat kerana pihak berkuasa di negara berkenaan bersama dengan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO) telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan wabak ini daripada menular keluar negara. Negara kita juga telah mempunyai pelan strategi untuk menghadapi kemungkinan penularan wabak influenza (*National Influenza Pandemic Preparedness Plan*)

Tindakan kolaborasi dan kerjasama perkongsian maklumat dan langkah-langkah pencegahan serta kawalan sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan dengan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia, dan orang awam akan dimaklumkan situasi ini dari masa ke semasa dan diminta mematuhi nasihat-nasihat yang diberikan oleh Kerajaan.

Sehingga kini, pihak WHO memaklumkan bahawa TIADA sebarang tindakan sekatan dari segi kesihatan, perjalanan, dan perdagangan yang perlu dilakukan oleh setiap negara bagi perlindungan kesihatan antarabangsa susulan daripada kejadian ini.

Sekian dan terima kasih.

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh: 27 April 2009